

Kes 1MDB

‘Tiada bukti Najib arah dana dipindah untuk peribadi’

Putrajaya: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, tiada bukti langsung diperoleh pasukan siasatan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang menunjukkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengarahkan dana daripada syarikat pelaburan strategik negara itu dipindahkan bagi kegunaan peribadinya.

Bekas Pegawai Penyiasat 1MDB, Senior Asisten Komisyoner R Rajagopal yang juga saksi pembelaan ke-11 berkata, beliau tidak mendapat bukti langsung Najib selaku pemegang saham tunggal 1MDB mengarahkan lembaga pengarah bertindak dengan cara yang tidak sepatutnya.

Saksi itu berkata, tiada bukti sedemikian diterimanya sepanjang menjalankan siasatan skandal kewangan 1MDB, pada mana-mana peringkat sehingga beliau bersara.

Beliau berkata, siasatan itu juga membabitkan sama ada keputusan yang diambil oleh Lembaga Pengarah 1MDB dibuat dengan niat baik dan sama ada ia bertindak mengikut kepentingan 1MDB atau sama ada tadbir urus dilakukan dengan betul.

Rajagopal bagaimanapun menjelaskan berdasarkan kepada memorandun & artikel (M&A), sebarang transaksi mesti diputuskan oleh lembaga pengarah dan diluluskan oleh pe-

megang saham.

“Bukti langsung yang menunjukkan Najib mengarahkan ke mana wang itu (disalurkan), saya tidak menjumpainya tetapi berdasarkan cara syarikat beroperasi, memorandum syarikat, kelulusan oleh lembaga pengarah, transaksi (aliran keluar wang) telah dilakukan,” katanya.

Bekas Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman itu, berkata demikian ketika menjawab soalan peguam bela Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah pada sesi pemeriksaan semula.

Antara 2015 hingga 2018, Rajagopal menjalankan siasatan berhubung pecah amanah jena-

yah yang didakwa membabitkan lembaga pengarah dan penguurusan 1MDB, dan tidak menyiasat Najib.

Perbicaraan 1MDB hanya membabitkan dakwaan salah guna kuasa dan pengubahan wang haram terhadap Najib.

Sementara itu, Rajagopal berkata, laporan polis yang dibuat oleh bekas Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan berkaitan penyelewengan dana 1MDB pada 12 Disember 2014, tidak menyebut nama mana-mana individu termasuk Najib.

Beliau berkata, sebaliknya laporan itu hanya menyatakan kesangsiaannya berhubung tadbir urus syarikat berkenaan.

“Setakat yang saya ingat, laporan polis itu tidak menyasarkan mana-mana individu, sebaliknya membangkitkan di antara 11 dan 13 isu yang beliau mahu pihak berkuasa menyiasat,” katanya.

Rajagopal memberikan keterangan pada prosiding bela diri Najib yang berdepan empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah yang sama.

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah di Istana Kehakiman bersambung hari ini.